



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

aktiviti P.P. Biologi

DR MU'ADZ AHMAD MAZIAN

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

muadzam@uitm.edu.my



Little Scientist In Action! 2.0

Rentetan kejayaan Pusat Pengajian Biologi (PPBio) menganjurkan Little Scientist in Action! 1.0 pada tahun lepas dan positif maklum balas dari ibu bapa, sekali lagi PPBio berjaya menganjurkan Little Scientist 2.0 pada tahun ini. Program Little Scientist in Action! 2.0 ini telah diadakan selama sehari pada 29 Ogos 2023, bermula dari 9 pagi dan berakhir pada 5 petang. Hasil penambahbaikan dan pemikiran kreatif Pengarah Program, Puan Lili Syahani dengan bantuan para pensyarah dan staf makmal, PPBio telah menambah baik susunan aktiviti untuk menjadikan sains sebagai pengalaman yang seronok dan menggembirakan. Seramai 90 pelajar sekolah rendah telah menyertai program ini dan mereka telah dibahagikan kepada tiga Kumpulan Tahap 1, (7 – 8 tahun) , Tahap 2, (9 – 10 tahun) dan Tahap 2, (10 – 12 tahun).

Program yang dijalankan pada kali ini dimeriahkan lagi dengan penglibatan dari Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan Jabatan Penerangan Kuala Pilah. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti pameran, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak bawah 7 tahun dan sesi perkongsian ilmu untuk ibu bapa yang hadir. Program Little Scientist 2.0 kali ini juga lebih bermakna kerana ADUN Kuala Pilah, YB Pn. Noorzunita Begum Mohd Ibrahim turut menyumbangkan 30 pasang kot makmal untuk pelajar gunakan semasa aktiviti di dalam makmal.

Aktiviti bermula dengan aktiviti *outdoor* dimana pelajar didedahkan dengan konsep biodiversiti. Pelajar diperkenalkan dengan kepelbagaian tumbuhan dan serangga yang terdapat di pinggiran hutan simpan UiTM Kuala Pilah. Pada sebelah petangnya, pelajar melakukan aktiviti di dalam makmal untuk mempelajari konsep mikrobiologi. Pelajar telah didedahkan dengan cara untuk menggunakan mikroskop dan berpeluang melihat sendiri bakteria yang terdapat didalam susu kultur, roti kulat dan buah yang sudah rosak. Di samping itu, pelajar di ajar cara untuk membuat pensanitasi tangan.

Perasmian penutupan program Little Science In Action! 2.0 telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Ts. Dr. Noorlis Ahmad. Penghujung acara, rata-rata ibu bapa mengharapkan agar program ini akan diteruskan lagi di hari yang mendatang. Daripada pihak PPBio, semoga kita berjumpa lagi tahun hadapan!

